

Kerjasama Ireka, Hankyū bangunkan projek RM400 juta

KUALA LUMPUR – Ireka Corp. Bhd. telah memeterai perjanjian dengan Hankyū Hanshin Properties Corp dari Osaka untuk bekerjasama dalam projek Rimbun Kasia di Nilai, Negeri Sembilan yang mempunyai nilai pembangunan kasar RM400 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Ireka, Datuk Lai Voon Hon berkata, projek Rimbun Kasia merangkumi kawasan kediaman baharu terdiri daripada lima projek kediaman dan satu projek komersial seluas 12.37 hektar.

“Usaha sama ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan projek Dwi@Rimbun Kasia yang mana ia terdiri daripada 382 unit kediaman dalam blok sembilan tingkat serta satu lagi petak tanah yang mempunyai 465 unit kediaman dalam menara 29 dan 19 tingkat,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Pihaknya teruja terhadap kerjasama dengan Hankyū Hanshin berpangkalan di Osaka itu kerana ia akan meningkatkan pembangunan Rimbun Kasia.